



Perbankan Islam di Bawah Bidangkuasa Sivil

Masih ramai yang keliru dengan beranggapan bahawa bank-bank Islam di Malaysia juga tertakluk kepada Banking and Financial Institutions Act 1989 (BAFIA). Ianya adalah tidak benar. Bank-bank Islam di Malaysia adalah tertakluk di bawah Islamic Banking Act 1983 (IBA). Manakala bank-bank konvensional dibenarkan menawarkan perkhidmatan dan produk-produk berlandaskan prinsip-prinsip Shari'ah di bawah peruntukan seksyen 124, BAFIA.



Setiap bank-bank Islam dan juga bank-bank Konvensional yang menawarkan perkhidmatan dan produk-produk berlandaskan prinsip-prinsip Shari'ah perlu merujuk kepada Badan Penasihat Shari'ah (Shari'ah Advisory Body) masing-masing sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 16B, Central Bank of Malaysia Act 1958 (CBMA). Badan penasihat Shari'ah ini pula perlu membawa usul berkaitan kepada Majlis Penasihat Shari'ah Kebangsaan (National Shari'ah Advisory Council) di Bank Negara Malaysia untuk kelulusan sebelum ianya boleh digunakan oleh bank berkenaan.

Bagaimana pula dengan bidangkuasa Mahkamah? Perlukah urusan atau pertelingkahan (disputes) yang membabitkan perbankan Islam dan takaful dirujuk ke Mahkamah Shari'ah ? Mengikut perlembagaan Persekutuan (Federal Constitution) di bawah Artikel 73, telah dihadkan bidangkuasa Penggubal Undang-Undang Parlimen (di bawah List I – Federal List) dan Negeri (di bawah List II – State List). Perbankan adalah di bawah Federal List yang mana ianya di bawah bidangkuasa Mahkamah Sivil. Manakala Mahkamah Shari'ah mempunyai mempunyai bidangkuasa kepada hanya orang perseorangan yang menganuti agama Islam.



Secara definisinya, bank Islam adalah mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan perbankan Islam dan mempunyai lesen yang sah ...(seksyen 2, IBA). Maksudnya, bank Islam perlu berdaftar di bawah Companies Act 1965 ,tidak sebagaimana bank konvensional yang boleh dijalankan oleh bukan sahaja syarikat berdaftar malah orang perseorangan , perkongsian, persatuan dsb. Manakala perniagaan perbankan Islam bermaksud perniagaan perbankan yang mana tujuan dan operasinya tidak mengandungi mana-mana elemen yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam. Di sini, perniagaan perbankan tidak dijelaskan secara terperinci, maka bank Islam boleh melakukan apa saja bentuk perniagaan perbankan iaitu secara universal asalkan ianya tidak bertentangan dengan hukum Syara'. Sedangkan maksud perniagaan perbankan di bawah seksyen 2 (1), BAFIA, adalah urusan penerimaan deposit, pembayaran dan pungutan cek, dan pembiayaan kewangan atau lain-lain perniagaan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan . Ironinya, bank-bank Islam di Malaysia boleh merujuk dan mengaplikasikan mana-mana Mazhab dalam urusan perniagaan perbankan mereka selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Perkembangan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia amat pantas sejajar dengan objektif negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hub Kewangan Islam dunia dan juga dasar liberalisasi Malaysia yang mula membuka peluang kepada institusi-institusi kewangan Islam antarabangsa menapak di negara ini. Struktur perundangan yang melibatkan perbankan dan kewangan Islam perlu diberi perhatian serius bagi mengharmonikan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Malah setiap kita mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan perbankan Islam suatu kejayaan.

Ditulis oleh: Kartini Yusoff, Akademi Muamalat, Jun 2009